

PENJELASAN BERHUBUNG PENGGUNAAN SINGKATAN " GST " DALAM INVOIS DAN RESIT

PENDAHULUAN

Jabatan Kastam Diraja Malaysia banyak menerima pertanyaan dan aduan awam bahawa syarikat / peniaga telah mengenakan *Goods and Services Tax* (GST). Kekeliruan ini timbul kerana penggunaan singkatan abjad " GST " oleh pihak industri perkhidmatan dalam invois atau resit yang telah dikeluarkan kepada orang ramai. Kekeliruan ini juga didapati tersebar dalam laman sosial sehingga tercetus andaian – andaian yang kurang tepat. Singkatan " GST " didapati telah disalah ertikan sebagai " *Goods and Services Tax* ".

Singkatan " GST " yang digunapakai oleh pihak industri perkhidmatan dalam resit atau invois adalah membawa maksud " GOVERNMENT SERVICE TAX " atau dikenali sebagai Cukai Perkhidmatan Kerajaan. Cukai Perkhidmatan telah dikuatkuasakan sejak tahun 1975 melalui Akta Cukai Perkhidmatan 1975 (*Service Tax Act 1975*).

PENGENAAN CUKAI PERKHIDMATAN

Cukai Perkhidmatan hanya dikenakan ke atas perkhidmatan – perkhidmatan yang tersenarai dalam Jadual Kedua, Peraturan – Peraturan Cukai Pekhidmatan 1975. (PPCP 1975)

Pada masa ini, Cukai Perkhidmatan dikenakan pada kadar 6 % bagi semua jenis perkhidmatan yang disenaraikan dalam Jadual Kedua PPCP 1975 kecuali untuk kad kredit / kad caj induk dikenakan RM 50.00 dan RM 25.00 bagi kad *supplementary* .

Panduan berhubung perkhidmatan yang bercukai dan tidak bercukai boleh dirujuk dalam laman sesawang Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sebagai panduan umum dan orang ramai boleh akses maklumat berkenaan melalui alamat : www.customs.gov.my.

PELAKSANAAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN / GOODS AND SERVICES TAX (GST)

Sistem Percukaian " Cukai Barang dan Perkhidmatan " (GST) masih belum dilaksanakan di Malaysia dan tidak boleh dikenakan atau dikutip oleh mana-mana peniaga atau syarikat.

Maklumat lanjut berhubung Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) boleh didapati dengan menghubungi Pusat Panggilan JKDM :- 03-7806 7200 atau email kepada ccc@customs.gov.my untuk sebarang pertanyaan atau melayari Portal GST Malaysia di alamat : www.gst.customs.gov.my.

Disediakan oleh:

Bahagian Cukai Dalam Negeri

Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja

Malaysia

03 Julai 2013